

01/10/2001

Ketua Umno Bandau akan kemuka rayuan

KOTA KINABALU, Ahad - Jelani Hamdan yang digantung jawatan sebagai Ketua Umno Bahagian Bandau oleh Lembaga Disiplin Umno kerana melanggar etika parti pada pemilihan peringkat bahagian, hari ini mengesahkan akan mengemukakan rayuan berhubung keputusan itu.

Beliau yang juga Ketua Pemuda Umno Bahagian Bandau, bagaimanapun, menerima keputusan Lembaga Disiplin menggantung jawatannya sebagai ketua bahagian selama satu penggal mulai 14 September lalu.

"Saya terima keputusan itu dan tidak mempertikaikan kewibawaan mereka. Bagaimanapun, saya akan kemukakan rayuan secepat mungkin kepada Lembaga Disiplin parti ke atas pertuduhan terhadap saya.

"Saya membuat rayuan kerana saya ada alasan kukuh untuk mengemukakan rayuan terhadap pertuduhan yang dikenakan kepada saya," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Pada masa sama, beliau juga akan menulis surat kepada Presiden Umno yang juga Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memperjelaskan keadaan sebenar pertuduhan itu.

Jumaat lalu, seramai empat pemimpin Umno Bandau termasuk tiga ketua bahagian digantung hak memilih, dipilih dan dilantik untuk sebarang jawatan dalam parti di bawah Fasal 6.2.2 Perlembagaan Umno selama satu penggal pemilihan di peringkat cawangan, bahagian dan Majlis Tertinggi, berkuatkuasa 14 September 2001.

Selain Jelani, pemimpin Sabah yang turut dikenakan tindakan oleh Lembaga Disiplin parti ialah Ketua Bahagian Silam, Datuk Mohd Yusof Amat Jamlee.

"Di sini saya ingin jelaskan bahawa antara satu pertuduhan salah laku terhadap saya kononnya dituduh melanggar etika parti kerana berada di Berjaya Palace Hotel jam 9 pagi, pada 28 April.

"Sedangkan pada tarikh sama, saya berada di pejabat Perhubungan Umno Negeri sejak jam 8.30 pagi menghadiri majlis disiplin untuk menjawab pertuduhan semasa persidangan cawangan pemuda," katanya.

(END)